

## PEMBELAJARAN ALAM MAYA NORMA BAHARU: TINJAUAN RINGKAS AKTIVITI SAMPINGAN DI KALANGAN PELAJAR

ZAILANI SHAFIE  
FADDLIZA MOHD ZAKI  
NURHIDAYAH NASHARUDIN

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

Kejutan dengan pengumuman *lockdown* di seluruh dunia mengundang pelbagai reaksi dan tindakan rakyat yang berbeza secara keseluruhannya tidak terkecuali negara Malaysia. Ada yang percaya dan ada yang tidak. Malah, paling teruk sehingga ada yang tidak mempedulikannya dan ini menjurus kepada tragedi buruk dengan merekodkan angka kematian yang tinggi. Tindakan kerajaan Malaysia bermula dari 16 Mac 2020 memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akhirnya dikuatkuasa pada 18 Mac 2020 di seluruh negara sebagai langkah mengurangkan penyebaran COVID-19. Beberapa langkah penting juga dilaksanakan seperti pemakaian wajib pelitup muka, sanitasi tangan yang kerap dan penjarakan sosial yang kini dikenali sebagai penjarakan fizikal.

Situasi PKP telah memberi kesan terhadap semua institusi pengajian di Malaysia termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM). Para pelajar yang baru sahaja mendaftar semester baru dengan sesi pengkuliah yang baru bermula sekitar tiga (3) minggu akhirnya perlu menjalani kaedah pembelajaran baru iaitu di rumah kerana semua institusi pengajian awam dan swasta diarahkan untuk tutup. Maka, bermulalah evolusi baru dalam sistem pendidikan khususnya di UiTM dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian

di rumah iaitu “*Open and Distance Learning (ODL)*”.

Kajian terdahulu ada melaporkan bahawa beberapa kaedah PdP atas talian yang sedia ada seperti Zoom, Google Meet, Facebook dan YouTube secara *live streaming* sudah digunakan sebagai keperluan dalam pendidikan. Sebilangan besar pensyarah atau tenaga pengajar telah dilatih oleh institusi pendidikan masing-masing supaya tenaga pengajar ini memperoleh pengalaman secara langsung dalam mengendalikan PdP seperti yang dinyatakan di atas. Ini menunjukkan, kesiapsiagaan institusi pendidikan tinggi dalam menyahut cabaran PdP secara atas talian, lebih-lebih lagi ketika cabaran pandemik (Mishra, et al., 2020).

Satu tinjauan ringkas telah dibuat dengan mendapatkan respon daripada 96 orang pelajar diploma Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Tinjauan ringkas ini adalah untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang dilakukan pelajar di rumah di awal era PKP. Tinjauan kaji selidik rawak ini dibuat beberapa bulan selepas PKP diumumkan di mana para pelajar sedang menjalani PdP secara ODL. ODL memerlukan disiplin sendiri yang tinggi dan terdapat perubahan anjakan mental cara hidup bagi setiap pelajar dalam pembahagian masa. Oleh itu, tinjauan ringkas ini dapat membantu umum untuk mengenalpasti aktiviti-

aktiviti pelajar di rumah. Tambahan pula, pelajar perlu melakukan pembahagian masa untuk belajar, menghadiri kelas secara atas talian dan aktiviti-aktiviti lain dalam kehidupan seharian.

Memandangkan responden yang terlibat merupakan generasi IT, 100% pelajar telah menjawab masa lapang mereka diisi dengan menonton filem/drama *online* serta melayari media sosial seperti Instagram dan Facebook. Selain itu, sebanyak 28.8% iaitu seramai 30 orang pelajar telah menggunakan masa belajar di rumah dengan bekerja. Pekerjaan yang dilakukan mereka antaranya adalah sebagai penghantar makanan (*Grabfood/FoodPanda*) dan menjadi pekerja am di pusat membeli-belah dan kedai-kedai. Terdapat juga pelajar yang terlibat dengan perniagaan secara atas talian iaitu sebanyak 16.6%. Peratusan yang tinggi juga dapat dilihat untuk aktiviti memasak iaitu sebanyak 52%. Lebih dari separuh pelajar yang terlibat dalam tinjauan ini mengisi masa mereka di rumah dengan memasak.

Antara aktiviti yang kurang popular di kalangan generasi muda iaitu berkebun. Aktiviti ini dilihat masih lagi relevan dikalangan kelompok golongan muda khususnya pelajar. Buktinya, sejumlah 13.5% pelajar melakukan aktiviti ini. Di samping itu, membaca masih menjadi pilihan pelajar dalam memenuhi aktiviti mereka walaupun dengan peratusan yang rendah iaitu sebanyak 33.3% pelajar memilih bacaan santai manakala 12.5% pelajar membaca dan mengulangkaji buku kuliah. Antara dapatan yang menarik dalam tinjauan ringkas ini adalah terdapat seorang pelajar yang menggunakan masa terluang dengan menyertai badan bukan kerajaan (NGO).

Dari tinjauan ringkas yang dilakukan, dapat dilihat semua pelajar gemar menggunakan gajet mereka untuk melayari media sosial. Oleh itu, pensyarah boleh memanfaatkan keadaan ini sebaiknya

dengan menyampaikan pelbagai maklumat dan ilmu. Seperti contoh, rakaman video dan rakaman suara dihantar kepada pelajar melalui media WhatsApp atau Telegram. Ini memudahkan pensyarah untuk mendekati pelajar mereka memandangkan pelajar pada bila-bila masa hanya perlu mengakses kepada maklumat dengan menggunakan telefon pintar mereka sahaja. Walaubagaimanapun, antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah capaian internet pelajar. Lebih-lebih lagi jika mereka berada di kawasan pedalaman. Akan wujud capaian internet yang lemah untuk pelajar yang tinggal dikawasan tersebut. Oleh yang demikian, toleransi antara pensyarah dan pelajar yang menghadapi kesukaran ini perlu diwujudkan.

Bagi pelajar yang bekerja, persoalan timbul mengenai bagaimana pelajar ini mengikuti kelas-kelas ODL yang dilakukan secara segerak (*synchronous*). Adakah pelajar hanya bekerja sampingan dan tidak mengganggu jadual kelas mereka ataupun pelajar mengorbankan waktu kelas mereka? Untuk menjawab persoalan ini, kajian lain perlu dilaksanakan supaya keadaan ini dapat dilihat dengan jelas. Dari artikel yang diterbitkan oleh Berita Harian pada 19 Jun 2020 telah menunjukkan berlaku peningkatan jualan dalam talian sebanyak 28.9% pada April 2020. Ini tidak mustahil kerana dari tinjauan ringkas ini juga mendapati pelajar menggunakan peluang belajar di rumah dengan berniaga online. Selain itu, aktiviti memasak yang menjadi pilihan pelajar ketika di rumah juga merupakan antara aktiviti pilihan rakyat Malaysia ketika PKP di Malaysia memandangkan mereka tidak dapat keluar rumah seperti biasa. Banyak resepi-resepi baru yang menarik wujud di laman sosial. Resepi yang mudah dan masa penyediaan yang cepat telah memikat ramai untuk mencuba sendiri di rumah.

Aktiviti berkebun dikalangan pelajar adalah antara salah satu aktiviti yang dapat mengelakkan pembaziran masa kerana

manfaat yang diperoleh darinya. Berkebun merupakan aktiviti yang sihat umpama beriadah kerana membuatkan badan berpeluh. Di samping itu, pelajar dapat menuai hasil dari berkebun di kemudian hari dan ini semestinya satu pencapaian yang menggembirakan apabila tanaman dapat dituai. Mengenai aktiviti membaca yang mendapat peratusan yang rendah dalam tinjauan ringkas ini agak mengkusarkan. Tabiat membaca sepatutnya menjadi pilihan utama lebih-lebih lagi kepada pelajar. Kita sedia maklum, galakan membaca adalah sejak pelajar di zaman persekolahan lagi dengan adanya program NILAM di sekolah. Amat mendukacitakan sekiranya budaya membaca tidak diteruskan walaupun pelajar sudah meninggalkan zaman persekolahan mereka. Aktiviti lain yang sangat menarik dalam tinjauan ringkas ini adalah penglibatan seorang pelajar dengan menyertai badan NGO. Walaupun sesi pengajian ODL terlihat sebagai satu sesi PdP yang baru dan perlukan pelajar menyesuaikan diri, masih ada pelajar yang dapat membahagikan masa dengan menyertai badan NGO. Melalui aktiviti sebegini, pelajar boleh mengembangkan kebolehan komunikasi dan memperoleh pengalaman yang baru.

Dari tinjauan ringkas yang dijalankan ini jelas menunjukkan terdapat pelbagai aktiviti yang dilakukan pelajar dengan kelebihan belajar di rumah. Tetapi perlu ditekankan, pelajar haruslah bijak membahagikan masa antara pelajaran dan aktiviti-aktiviti tersebut. Walaupun ODL, pelajar masih perlu menghadiri kelas-kelas yang dilaksanakan secara atas talian. Lebih-lebih lagi pelajar yang bekerja ketika sesi ODL ini dijalankan. Pensyarah juga haruslah memantau kehadiran dan penglibatan pelajar mereka ketika ODL berlangsung. Selain itu, antara aktiviti berfaedah yang dapat dilakukan oleh pelajar ketika waktu lapang mereka semasa PKP adalah dengan melakukan senaman ringan. Senaman ringan ini boleh

dilakukan dengan hanya berpandukan video yang telah dimuatnaik di laman Youtube. Ini secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat yang sihat walaupun banyak masa dihabiskan di rumah.

### Rujukan

- Adibah Mohd Amin. (2020, April 20). Manfaatkan masa anda dengan kebun bandar. *Portal Fakulti Pertanian*.  
[https://agri.upm.edu.my/artikel/pkp\\_manfaatkan\\_masa\\_anda\\_dengan\\_kebun\\_bandar-56548](https://agri.upm.edu.my/artikel/pkp_manfaatkan_masa_anda_dengan_kebun_bandar-56548).
- Mishra, L., Gupta, T., & Shree, A. (2020). Online teaching-learning in higher education during lockdown period of COVID-19 pandemic. *International Journal of Educational Research Open, 1*, 1-8.  
<https://doi.org/10.1016/j.ijedro.2020.100012>.
- Rafidah Mat Ruzki. (2020, April 2). Jualan dalam talian meningkat 28.9 peratus pada April. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasiona/2020/06/701902/jualan-dalam-talian-meningkat-289-peratus-pada-april>
- Zainal Rashid Ahmad. (2020, Julai 3). KLWBC 2020: Malaysia malas atau rajin membaca? *Astro Awani*.  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-malaysia-malas-atau-rajin-membaca-249478>